

Fasa 2 projek mega dari Semantan ke Kajang bakal dirasmikan Perdana Menteri

# MRT beroperasi penuh pada 17 Julai

Oleh JUNHAIRI ALYASA dan RIDZAUDDIN ROSLAN

**KUALA LUMPUR** – Pelancaran Fasa 2 Transit Aliran Massa (MRT) dari Semantan ke Kajang sejauh 31 kilometer (km) yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai depan bakal menyaksikan pembukaan 19 lagi stesen baharu termasuk tujuh buah stesen bawah tanah.

Perkembangan tersebut sekaligus menyempurnakan projek pembinaan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang sejauh 51km dengan kesemuanya melibatkan 31 buah stesen termasuk stesen bertingkat dan stesen bawah tanah.

Pembukaan MRT yang menelan belanja lebih RM22 bilion itu dijangka dapat mengurangkan kesesakan kerana pengangkutan awam mega itu mampu membawa 400,000 penumpang pada setiap hari.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, pembukaan 19 stesen baharu yang bermula dari Semantan ke Kajang bakal melalui beberapa kawasan utama di ibu negara.

“Antara stesen-stesen tersebut ialah Pasar Seni, Bukit Bintang, Merdeka, Tun Razak Exchange dan Maluri. Kesemua stesen tersebut menggunakan laluan bawah tanah.

“Selain itu, antara stesen lain yang turut dibina di bawah tanah ialah Stesen Muzium Negara dan Cochrane namun selebihnya dibina menggunakan konsep stesen bertingkat seperti MRT Fasa 1,” kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam. Menurut beliau, MRT Fasa 2



AZMI (kiri sekali) menyampaikan amanat kepada 49 kakitangan Kapten Tren Haji Al Mashaaer Al Mugaddassah Metro Southern Line ke Mekah di KLIA semalam.



TREN MRT Fasa 2 dari Semantan-Kajang sedang dipandu uji sebelum beroperasi pada 17 Julai ini.



kemudian dihubungkan ke kawasan selatan ibu negara meliputi Taman Permata, Taman Midah, Taman Mutiara, Taman Connaught dan Bandar

Tun Hussein Onn sebelum berakhir di Kajang.

“Cadangan tambang dari Se-

mantan ke Muzium Negara yang merupakan stesen kedua bagi laluan MRT Fasa 2 bermula pada kadar RM1.70 manakala bagi laluan Kajang ke Semantan kadar dijangka RM3.60.

“Bagi pengguna yang bergerak dari Sungai Buloh menuju ke Kajang, kadar tambang RM5.50.

“Bagaimanapun, kadar tambang menggunakan konsep tanpa tunai ini belum dimuktamadkan,” kata beliau.

Terdahulu di Putrajaya, Azmi

berkata, Fasa 2 (MRT) kini telah siap 99 peratus dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengikut jadual pada 17 Julai ini.

Menurut beliau, laluan Fasa 2 ini kini dalam proses pelbagai ujian sebelum beroperasi sepenuhnya dalam tempoh kira-kira dua minggu lagi.

“Kalau kita lihat tren sudah sampai ke Kajang, itu merupakan proses pengujian,” kata beliau pada majlis pengan-

## INFO Projek MRT Sungai Buloh-Kajang

- Projek dimulakan pada 8 Julai 2011 dan menelan belanja lebih RM22 bilion bagi menghubungkan Sungai Buloh-Kajang.
- Laluan itu sejauh 51 kilometer dan mempunyai 31 buah stesen
- Fasa 1 melibatkan laluan Sungai Buloh-Semantan beroperasi pada 15 Disember 2016 dengan 12 stesen antaranya Sungai Buloh, Kampung Selamat, Mutiara Damansara dan Bandar Utama
- Fasa 2 melibatkan laluan Semantan-Kajang bakal beroperasi 17 Julai ini dengan 19 stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah dan 12 stesen bertingkat
- Tujuh stesen bawah tanah ialah Pasar Seni, Muzium Negara, Bukit Bintang, Cochrane, Merdeka, Tun Razak Exchange dan Maluri
- 12 stesen bertingkat ialah Taman Permata, Taman Midah, Taman Mutiara, Taman Connaught, Taman Suntex, Sri Raya, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung, Taman Koperasi Cuepacs, Sungai Kantan, Bandar Kajang dan Kajang
- MRT merupakan tren tanpa pemandu dengan kelajuan 100 kilometer sejam
- Perjalanan dari Sungai Buloh-Kajang memakan masa satu jam 28 minit
- Masa menunggu selama 3.5 minit bagi setiap ketibaan tren
- MRT dijangka digunakan kira-kira 400,000 penumpang sehari

taran 49 Kapten Tren Haji Al Mashaaer Al Mugaddassah Metro Southern Line (MMMSL) di Tanah Suci Mekah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam.